

Tingkat kesedaran sivik jadikan negara bebas sampah

**Fahiana
Abd Hamid,**
Universiti
Tun Hussein Onn

Tahun baharu ini umumnya masa untuk kita melihat kembali pencapaian tahun sebelumnya. Selalunya, ia akan diiringi dengan azam untuk mengubah kesilapan atau meningkatkan kejayaan. Namun, kadangkala kita terlalu fokus ke arah perkembangan kerjaya dan hidup sehingga mengabaikan tanggungjawab lain yang tidak kurang pentingnya, iaitu kesedaran sivik.

Di negara ini bukan luar biasa untuk kita melihat longgokan sampah merata-rata, terutama selepas majlis umum seperti sambutan tahun baharu atau di lokasi kunjungan awam misalnya air terjun atau lain-lain tempat rekreasi.

Kita kerap melihat pelbagai jenis sampah dibuang merata-rata malah jika dibuang dalam tong sampah, ada kala jumlahnya terlalu banyak hingga sebahagiannya melimpah. Tidak kurang juga sampah sengaja diletakkan di tempat tidak sepatutnya.

Hal ini terjadi kerana kebanyakan orang beranggapan tidak mengapa untuk meninggalkan sampah sebegitu kerana akan ada petugas yang melaksanakan kerja pembersihan di kawasan berkaitan. Tanggapan sebegini menyebabkan sesetengah kita tidak berfikir panjang untuk membuang sampah merata-rata.

Jadi tidak begitu menghairankan apabila media melaporkan aspek kesedaran sivik masih lagi rendah dalam kalangan rakyat Malaysia. Laporan sama menyebutkan, Malaysia menduduki tempat ketiga dalam senarai 10 negara teratas yang menjadi penyumbang utama pencemaran plastik di lautan.

Sumber kebanyakan sisa plastik itu datang dari sampah sarap di taman, pantai dan longkang. Sisa plastik ini akan dibawa oleh angin serta air hujan melalui longkang dan sungai, seterusnya menuju terus ke lautan.

Bentuk warganegara bertanggungjawab

Justeru, anggapan 'tidak mengapa' untuk membuang pelbagai jenis sampah tanpa mengira saiz di merata-rata tempat adalah satu mentaliti yang harus diubah. Tanpa kita sedar, sampah kecil ini mampu membentuk lautan sampah yang lebih besar. Ramai individu yang mampu menjaga kebersihan di rumah sendiri, namun tidak ramai mampu menjaga kebersihan alam sekitar.

Sampah yang terbiar dan tidak diurus dengan baik bukan sahaja mencacatkan pemandangan, tetapi juga akan menimbulkan bau kurang menyenangkan serta mengundang serangga perosak seperti lipas dan tikus.

Jika dilihat dari sudut pandang agama Islam pula, kebersihan itu sebahagian daripada iman. Konsep kebersihan ini merangkumi pelbagai aspek meliputi penjagaan diri, tempat tinggal dan juga alam sekitar. Tuntutan Islam bukan sahaja menitikberatkan aspek kebersihan sebelum melaksanakan ibadah solat, bahkan juga menganjurkan kebersihan dipelihara sepanjang masa dalam kehidupan.

Dewasa ini, Malaysia dilihat semakin berkembang dan pantas membangun. Namun, pembinaan infrastruktur yang pesat seakan hilang ertinya apabila aspek pembangunan insan dipinggirkan.

Di sinilah pentingnya kesedaran sivik dalam kehidupan adalah untuk membentuk setiap individu menjadi warganegara yang bertanggungjawab, berakhlak mulia dan berkeperibadian tinggi dalam pelbagai konteks.

Langkah untuk mengubah orang lain, haruslah bermula dengan diri kita sendiri dahulu. Berhenti memuding jari dan mulakan langkah pertama untuk berubah. Jangan jadikan tahun baharu sekadar satu sambutan tahunan yang tidak bermakna. Jadikan ia sebagai titik tolak untuk kita menjadi warganegara Malaysia yang lebih baik dengan memiliki kesedaran sivik.